

29 APR 2002

Arroyo-Mahathir/I

ARROYO AKAN BINCANG NASIB PELARIAN FILIPINA DENGAN DR MAHATHIR

MANILA, 29 April (Bernama) -- Presiden Gloria Arroyo akan membangkitkan isu pelarian Filipina di Sabah semasa mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada 7 Mei ini.

Menurut kenyataan rasmi kerajaan, perbincangan tersebut akan diadakan di luar mesyuarat Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Kuala Lumpur di mana presiden Filipina itu akan menyampaikan ucaptamanya.

Arroyo berminat mengadakan perjanjian buruh yang baru dengan Malaysia bagi membolehkan rakyat negara itu bekerja dalam sektor tertentu di Malaysia termasuk mereka yang berada di Sabah sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah pelarian Filipina di Sabah.

Beliau telah mengarahkan para pegawai Kementerian Luar supaya menempatkan lebih banyak kakitangan di pejabat konsulnya di Sabah bagi mengumpul maklumat mengenai rakyat Filipina yang tinggal secara haram yang kebanyakannya melarikan diri daripada konflik di Mindanao.

Sehingga kini, Malaysia telah menghantar pulang lebih 3,000 rakyat Filipina yang tinggal secara haram di Sabah dan lebih ramai lagi dijangka akan dihantar pulang ekoran operasi besar-besaran mengesan pendatang tanpa izin yang dijalankan.

Arroyo berkata kebanyakan rakyat negaranya dihantar pulang oleh Malaysia kerana mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan dan perkara ini sebenarnya dapat dielakkan sekiranya Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina menempatkan lebih ramai pegawai konsulnya di Sabah.

"Cara menyelesaikannya ialah dengan memperbaiki urusan pengeluaran dokumen kepada mereka. Oleh itu kami menjangka lebih ramai kakitangan Kementerian Hal Ehwal Luar akan berada di kawasan berkenaan untuk memenuhi matlamat ini," beliau dipetik sebagai berkata oleh pemangku setiausaha akhbarnya, Silvestre Afable.

"Tapi mereka (Malaysia) telah mengurangkan penghantaran pulang sejak kami menghantar penasihat presiden, Paul Dominguez ke Sabah bulan lepas," kata Arroyo.

Beliau akan turut berbincang dengan Dr Mahathir tentang kemungkinan mengadakan usaha sama dalam bidang tenaga.

Arroyo juga akan mengambil kesempatan daripada mesyuarat PBEC untuk menarik lebih banyak pelaburan dengan menyandarkannya kepada iklim pelaburan yang amat liberal di Filipina terutama dalam bidang kewangan, perdagangan dan teknologi.

PBEC yang menghimpunkan para pemimpin perniagaan terkemuka dari 1,100 buah syarikat di 20 buah negara Pasifik bertujuan meningkatkan perdagangan dan pelaburan melalui pasaran terbuka.

-- BERNAMA

ALJ RV RM SP MOZ